

## Pendedahan Diri, Motivasi dan Kepuasan Penggunaan Facebook dalam Menjalin Persahabatan

ALI SALMAN  
SITI MINANDA PULUNGAN  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*  
*asalman@ukm.edu.my*  
*pulungannanda@gmail.com*

### ABSTRAK

Perkembangan media sosial dalam kehidupan manusia telah menghadirkan suatu peradaban baru khususnya dalam proses komunikasi dan informasi. Globalisasi yang berlaku kerana teknologi komunikasi, teknologi maklumat dan internet sememangnya telah membawa pengaruh sosial kepada perubahan dan pembentukan fenomena pada kehidupan manusia. Salah satu fenomena yang berkembang merupakan suatu fenomena di mana setiap individu menggunakan media sosial sebagai tempat untuk menjalin persahabatan. Kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk menyediakan maklumat terbaru tentang sejauh mana penggunaan Facebook boleh membawa belia kepada aktiviti menjalin persahabatan menerusi Facebook. Selanjutnya, kajian ini juga bertujuan untuk melihat adakah wujud pendedahan diri dalam penggunaan Facebook oleh remaja dan sejauh mana pendedahan diri boleh membawa belia kepada aktiviti menjalin persahabatan menerusi Facebook. Tidak hanya itu, kajian ini juga melihat hubungan di antara tahap penggunaan, pendedahan diri, motivasi dan kepuasan penggunaan Facebook dalam menjalin persahabatan. Kerangka teori yang digunakan dalam kajian ini adalah teori penembusan sosial dan juga teori kegunaan dan kepuasan. Seramai 278 orang belia berusia 18-25 tahun yang merupakan pelajar di Universitas Syiah Banda Aceh, Indonesia ditetapkan menjadi responden dan dipilih secara rawak dan bertujuan. Analisis data menggunakan perisian SPSS 22.0 dalam membuat ujian korelasi dan regresi di antara setiap pembolehubah. Keputusan ujian korelasi menunjukkan semua hipotesis diterima, yang bermakna setiap pembolehubah bebas mempunyai hubungan kepada pembolehubah bersandar. Hal ini menjelaskan bahawa tahap penggunaan, pendedahan diri, motivasi dan kepuasan mempunyai hubungan yang signifikan dengan kecenderungan belia dalam menjalin persahabatan menerusi Facebook. Kajian ini juga telah memberi banyak implikasi terhadap teori dan amalan komunikasi.

**Kata kunci:** *Pendedahan diri, motivasi, kepuasan, Facebook, menjalin persahabatan*

## Self Disclosure, Motivation and Satisfaction using Facebook in Establishing Friendship

### ABSTRACT

The development of social media in people's lives has presented a new civilization, especially in the process of communication and information. Globalization, as a result of development in communication technology, information technology and the internet, has certainly made an impact on social lives and made a phenomenon of human life. One growing phenomenon is, that individuals are starting to use social media as a place to make friends. This study was conducted with the aim to provide the latest information on how far the use of Facebook can lead youth to make friends through Facebook. This study also examined self-disclosure on Facebook by youth and to what extent self-disclosure can lead

youth to make friends through Facebook. This study also tries to determine the relationship between the level of consumption, self-disclosure, motivation and satisfaction in the use of Facebook for making friends. The theoretical framework was built on two theories, the social penetration theory and uses and gratification theory. Some 278 young people aged between 18-25 at the Syiah Kuala University (Unsyiah) of Banda Aceh, Indonesia were selected to be respondents by using purposive sampling technique. Data were analyzed using SPSS 22.0 software to test correlation. The correlation results showed that all hypothesis were accepted. The data explained that the level of consumption, self-disclosure, motivation and satisfaction are related to tendency of youth in making friends through Facebook. It can be concluded that the high level of Facebook use is the main variable affecting youth in establishing friendship through Facebook. The study also has contributed in rejuvenating the assumptions that have been adapted to the latest phenomena in social media. Hence, this study has many implications for both theory and practice of communication.

**Keywords:** *Self disclosure, motivation, satisfaction, Facebook, friendship*

## PENGENALAN

Dalam masa beberapa tahun media sosial telah menjadi bahagian penting di dunia. Terutamanya untuk generasi muda yang tidak boleh memikirkan komunikasi tanpa berfikir mengenai rangkaian sosial dalam talian seperti Facebook, Twitter dan pelbagai rangkaian sosial lain (Nurzali Ismail, 2016). Golongan muda belia ialah kumpulan yang begitu bersemangat menggunakan teknologi baru interaksi menerusi dunia maya (Rianne, 2013).

Dinyatakan juga bahawa kegunaan internet untuk sistem komunikasi secara umum sangat penting untuk kepentingan bertukar-tukar berita dan maklumat. Salah satu tanda perkembangan teknologi maklumat dan internet juga dapat dilihat dengan pertumbuhan laman rangkaian sosial, terutamanya media sosial. Laman rangkaian sosial telah mewujudkan peluang peningkatan komunikasi media yang mempunyai kesan terhadap penggunaannya (Natascha dan Ute, 2014). Media sosial yang digunakan pada masa kini sangatlah membantu menerangkan banyak maklumat, dengan rangkaian yang dinamik dan sangat interaktif. Laman rangkaian sosial membolehkan pengguna melakukan perbualan semasa dengan seseorang dari jarak yang berbeza dan hal ini telah memberi peluang bagi pengguna untuk meneruskan hubungan dan untuk membina hubungan baru dengan rakan-rakan dari seluruh dunia. Tidak hanya itu, komunikasi yang berlaku dengan melibatkan banyak perbezaan geografi ini akan membina kefahaman baru bagi pengguna untuk memahami budaya lain (Arviana Rantai et. al 2014).

Perkembangan media sosial juga menyatakan bahawa munculnya Internet dalam kehidupan manusia memang menghadirkan suatu peradaban baru khususnya dalam proses komunikasi dan maklumat yang bersifat massa mahupun peribadi termasuk hubungan antara keluarga (Saodah Wok et. Al., 2016). Peranan internet sebagai media komunikasi dan maklumat juga telah menunjukkan sebuah tanda bahawa manusia telah berada dalam arus globalisasi yang akan membawa perubahan terhadap jarak, ruang, waktu, dan juga nilai sosial dan budaya (Mukhtar Effendi, 2010)

Dari pelbagai media sosial yang hadir, salah satu media sosial yang mengambil semua perhatian masyarakat dunia adalah Facebook. Facebook dalam hal ini mewakili fenomena penggunaan rangkaian sosial di seluruh dunia. Hal ini sudah membawa kematangan dalam

penggunaan Internet di mana pengguna yang ramai merupakan pengguna muda (Hazita Azman et al, 2014). Demam Facebook (*Facebook fever*) juga dirasakan oleh Indonesia yang memiliki lebih dari 25 juta pengguna berdaftar yang tercatat pada awal tahun 2010. The Wall Street Journal juga mencatat bahawa jumlah pengguna Facebook di Indonesia sampai dengan bulan Jun 2014 sudah mencapai bilangan 69 juta anggota (Oik Yusuf, 2016).

Jika dilihat dari penggunaan media sosial di Indonesia, sememangnya Indonesia termasuk kepada negara-negara yang tertinggi dalam penggunaan media sosial. Menurut data daripada Kementerian Komunikasi dan Informatika (Kemenkominfo, 2016) pada tahun 2015 mengungkapkan pengguna internet di Indonesia mencapai 88,1 juta pengguna. 79 juta di antaranya merupakan pengguna media sosial aktif. Dari jumlah pengguna internet tersebut, 80 peratus di antaranya adalah belia. Perkiraan Kementerian Komunikasi bilangan ini akan terus bertambah setiap tahun.

Facebook memberikan kemampuan yang lebih lengkap dan mengikuti keinginan masyarakat, khususnya golongan belia. Facebook memiliki fungsi yang memungkinkan pengguna berinteraksi dengan pelbagai cara seperti, *chatting, tag foto, blog, game, dan update status*. Dengan memanfaatkan cara ini pengguna dapat mengekspresikan dan meluahkan keadaan yang sedang terjadi pada dirinya dan ini merupakan cara pengguna menyalurkan segala emosi, perasaan dan kesenangan yang dirasakan. Menerusi media sosial ini banyak pengguna menjadi lebih terbuka dalam berkongsi dan juga berkongsi pelbagai hal tentang kehidupan peribadi untuk tujuan membina hubungan persahabatan (Handriatmaja, 2013). Sememangnya sikap terbuka ini merupakan hal penting dalam membina sebuah hubungan persahabatan, seseorang tidak akan boleh berjaya memulai persahabatan jika tiada maklumat diri mengenai orang lain yang akan diajak untuk memulai hubungan. Justeru itu, dinyatakan bahawa sikap terbuka merupakan hal penting dalam menjalin komunikasi, interaksi, dan membina hubungan.

Untuk itu kajian ini penting dan menarik untuk dijalankan kerana kajian ini cuba untuk menjelaskan dan membuktikan mengenai penggunaan media sosial Facebook di Indonesia yang sangat tinggi. Penyelidikan ini juga akan mengkaji hubungan penggunaan Facebook terhadap pendedahan diri yang dilakukan belia dalam menjalin persahabatan. Selanjutnya, kajian ini mencari tentang motivasi belia dalam menjalin persahabatan menerusi penggunaan Facebook. Adakah keinginan belia untuk mempunyai hubungan persahabatan menerusi Facebook ini memiliki motivasi-motivasi tertentu. Terakhir sekali kepuasan yang didapati oleh belia terhadap penggunaan Facebook untuk menjalin persahabatan juga akan diterokai.

Objektif kajian ini ialah mengenalpasti tahap penggunaan Facebook dalam kalangan belia; menganalisis hubungan di antara jalinan persahabatan dalam talian dengan pembolehubah tahap penggunaan, motivasi, kepuasan dan pendedahan diri di media sosial Facebook.

#### SOROTAN LITERATUR DAN KERANGKA TEORITIS

Penyelidik telah menentukan teori yang sesuai untuk mengkaji fenomena penggunaan Facebook dalam menjalin persahabatan dan pendedahan diri. Untuk itu, kajian ini akan menggunakan dua teori dalam menjelaskan fenomena penggunaan Facebook. Kedua-dua teori yang digunakan dijangka akan dapat menerangkan semua aspek dalam kajian yang ingin diterokai.

Perlu diketahui bahawa telah ada beberapa kajian yang menggabungkan dua teori ini dalam satu kajian. Salah satu kajian yang menggunakan teori penembusan sosial dan teori kegunaan dan kepuasan dalam kajiannya ialah kajian yang dilakukan oleh Kleman (2008) dalam kajiannya mengenai model konseptual pendedahan diri dalam blog. Dalam kajian ini, teori penembusan sosial digunakan sebagai struktur untuk memahami pendedahan diri yang berlaku dalam blog. Kajian ini juga ingin meramalkan dengan jelas mengenai pendedahan dalam blog. Kajian ini ikut menyatakan bahawa, walaupun teori penembusan sosial membincangkan mengenai pembangunan hubungan melalui komunikasi bersemuka, namun teori tradisional ini perlu diuji di media baru untuk melihat kemampuan dalam menjelaskan pendedahan dalam blog. Oleh itu, teori penembusan sosial digunakan untuk mendapatkan ramalan mengenai tingkah laku pendedahan pada blog.

Teori kegunaan dan kepuasan dalam kajian ini digunakan untuk meneroka motif dalam menggunakan blog, kerana penyelidik dalam kajian mempercayai bahawa motif boleh memberi kesan kepada tingkah laku komunikasi dalam blog, contohnya pendedahan diri. Perspektif teori kegunaan dan kepuasan digunakan untuk membimbing kajian motif, kerana ia berkaitan dengan sikap pendedahan. Andaian perspektif ini juga dianggap rasional untuk digunakan dan kedudukan digabungkan dengan teori komunikasi interpersonal, seperti teori penembusan sosial.

Tidak hanya kajian oleh Kleman (2008), Chris (2016) juga menjalankan kajian dengan menggunakan dua teori, iaitu penembusan sosial dan kegunaan dan kepuasan. Hal ini dilakukan untuk mengkaji rangkaian media sosial dan pengaruhnya ke atas komunikasi interpersonal. Kajian ini menggunakan teori penembusan sosial untuk menegaskan mengenai hubungan interpersonal dan pendedahan diri manakala teori kegunaan dan kepuasan digunakan untuk mengkaji dan menjelaskan mengapa orang memilih dan menggunakan bentuk media tertentu. Selain dua kajian ini, kajian yang juga menggabungkan dua teori di dalamnya ialah kajian yang dilakukan oleh Chasombat (2014) mengenai rangkaian laman sosial dan impaknya kepada kemahiran komunikasi interpersonal dan hubungan.

Pelbagai kajian yang telah disebutkan menunjukkan bahawa menggabungkan dua teori ini dalam satu kajian bukan sesuatu perkara tidak mungkin berlaku. Kajian-kajian sebelumnya telah menggunakan dan berjaya dalam mencapai tujuan dari pada kajian, sehinggakan diharapkan kedua teori ini juga akan menyokong kajian yang akan dijalankan untuk memenuhi matlamat daripada kajian. Meskipun, terdapat beberapa contoh kajian yang telah menggunakan teori penembusan sosial dan kegunaan dan kepuasan dalam kajiannya, namun terdapat beberapa perbezaan yang menjadi khas daripada setiap kajian sehingga antara kajian satu dengan yang lainnya tidak sepenuhnya sama. Justeru itu, dalam kajian yang akan dijalankan akan khas dan menumpu perhatian kepada melihat hubungan pendedahan diri dalam jalinan persahabatan dalam talian dan juga melihat motivasi dan kepuasan penggunaan media sosial Facebook dalam kepentingan menjalin persahabatan dalam talian.

Kajian ini akan dibentuk kepada beberapa tahap. Tahap pertama, untuk permulaan, kajian ini akan melihat hubungan tahap penggunaan media sosial Facebook dengan keinginan menjalin persahabatan. Tahap penggunaan dikaji untuk melihat sejauh mana kekerapan beliau dalam menggunakan media sosial, serentak juga melihat apakah kekerapan yang tinggi atau

rendah tersebut mempengaruhi keinginan belia untuk memiliki hubungan persahabatan dalam talian. Tahap penggunaan akan dikira kepada tiga bahagian, iaitu tinggi, sedang, dan rendah.

Pada tahap selanjutnya, kajian ini akan melihat adakah hubungan pendedahan diri dengan jalinan persahabatan dalam talian yang dilakukan belia. Hal ini diperlukan untuk memastikan tahap awal bagi menentukan wujud atau tidaknya sikap pendedahan diri di media sosial Facebook. Pada tahap ini teori penembusan sosial akan berperanan untuk menjelaskan dan digunakan untuk mengukur kaitan di antaranya. Setelah itu, pada tahap berikutnya, kajian akan melihat kepada pembolehubah motivasi. Pada tahap ini, teori kegunaan dan kepuasan akan berperanan untuk mengukur pelbagai motivasi yang dipilih oleh pengguna dalam memilih Facebook dalam memenuhi keperluan mereka. Salah satu dari empat motivasi yang disebutkan dalam teori kegunaan dan motivasi ini mempunyai kemungkinan dipilih sebagai motivasi yang paling mempengaruhi pengguna dalam memilih dan menggunakan media sosial Facebook untuk menjalin persahabatan. Maka, ringkasnya pembolehubah motivasi ini mempunyai tujuan untuk mengkaji beberapa alasan yang mendorong belia memiliki keinginan untuk menjalin persahabatan menerusi Facebook. Motivasi yang dilihat dalam kajian ini ialah motivasi maklumat, identiti peribadi, interaksi sosial dan hiburan yang disebutkan dalam teori kegunaan dan kepuasan oleh Miller (2005).


Tahap akhir yang dikaji dalam kajian ini ialah pembolehubah kepuasan. Hal ini membuktikan bahawa kajian tidak hanya akan mengenalpasti mengenai sikap terbuka, pemilihan media sosial oleh belia dan penggunaannya, namun juga bertujuan untuk melihat sejauh mana penggunaan Facebook dalam menjalin persahabatan memberi kepuasan bagi penggunanya. Hal ini juga sesuai dengan konsep-konsep dasar daripada teori kegunaan dan kepuasan, iaitu tidak hanya setakat mengetahui motivasi pemilihan media tertentu untuk memenuhi keperluan pengguna, namun juga menghitung kepuasan yang diperolehi daripada penggunaan media tersebut.

Secara ringkasnya, untuk memahami kajian ini, maka di buatlah kerangka teoritis kajian yang dapat menjelaskan bahawa konsep motivasi dan kepuasan diguna pakai daripada teori kegunaan dan kepuasan. Manakala konsep menjalin persahabatan dan pendedahan diri diguna pakai daripada teori penembusan sosial yang membincangkan bahagian hubungan interpersonal.

#### HIPOTESIS

Berikut di bawah ini ialah hipotesis yang telah ditetapkan dalam kajian. Hipotesis terdiri daripada hipotesis yang akan melakukan ujian deskriptif, hubungan, dan juga pengaruh di antara pembolehubah bebas dan pembolehubah bersandar dalam kajian.

- Hipotesis 1 : Terdapat hubungan yang signifikan antara tahap penggunaan Facebook dengan kecenderungan ingin menjalin persahabatan menerusi Facebook.
- Hipotesis 2 : Terdapat hubungan yang signifikan antara pendedahan diri dengan menjalin persahabatan menerusi Facebook.



Rajah 1 : Kerangka Teoritis Kajian

- Hipotesis 3 : Terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi penggunaan media dengan keinginan menjalin persahabatan menerusi Facebook.
- H3a : Terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi maklumat dengan keinginan menjalin persahabatan menerusi Facebook.
- H3b : Terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi personal identiti dengan keinginan menjalin persahabatan menerusi Facebook.
- H3c : Terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi interaksi sosial dengan keinginan menjalin persahabatan menerusi Facebook.
- H3d : Terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi hiburan dengan keinginan menjalin persahabatan menerusi Facebook.
- Hipotesis 4 : Terdapat hubungan yang signifikan antara kepuasan penggunaan media sosial Facebook dalam menjalin persahabatan menerusi Facebook.

#### METODOLOGI KAJIAN

Dalam kajian ini pengkaji memilih untuk menggunakan kaedah kuantitatif iaitu tinjauan (survei). Williams (2007) mengatakan bahawa kajian kuantitatif adalah khusus dalam mengukur dan uji kaji, kerana ia dibina di atas teori-teori yang sedia ada. Tambahan pula tinjauan kaji selidik juga merupakan kaedah pengumpulan data terbaik apabila wujud situasi di mana populasi kajian adalah terlalu besar.

Untuk menentukan responden yang dipilih dalam mewakili populasi kajian, kaedah persampelan telah ditetapkan dalam kajian ini. Jenis persampelan yang akan digunakan pengkaji dalam kajian ialah bertujuan (*purposive sampling*). Persampelan bertujuan ditentukan berdasarkan tujuan dan sering dicapai dengan menggunakan pengetahuan daripada pengkaji untuk memilih dengan cara yang ditetapkan dalam keperluan kajian (Battaglia, 2008).

Penyelidik telah memilih sebuah universiti di daerah perbandaran yang terbesar di Aceh sebagai tempat pengumpulan data. Data mahasiswa pada tahun 2016 merekodkan bahawa jumlah pelajar yang sudah mempunyai nombor pelajar berdaftar di Universiti Syiah Kuala dengan kelulusan Seleksi Nasional Masuk Perguruan Tinggi Negeri atau biasa disebut SNMPTN ialah seramai 1649 pelajar. SNMPTN ialah salah satu bentuk jalur penerimaan pelajar untuk memasuki perguruan tinggi negeri yang dilaksanakan serentak seluruh Indonesia. Meskipun demikian, data pada *Syiah Kuala University Data Portal* telah disemak semula pada peringkat masing-masing fakulti sehinggakan dinyatakan dengan jumlah sebenar pelajar yang ada pada saat ini ialah seramai 1034 pelajar. Populasi dari kajian yang sangat besar sehingga persampelan yang akan dipilih menjadi perwakilan responden akan mengikut rajah Morgan (1970) yang telah telah dicipta untuk memudahkan dalam menentukan sampel.

Mengikut Morgan (1970) dengan jumlah populasi dalam persekitaran 1000 maka sampel yang harus di ambil ialah berjumlah 278 responden. Jumlah responden 278 orang ini dijangkakan akan memenuhi keperluan dari kajian untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan.

Sampel yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah seperti yang telah disebutkan sebelumnya, belia dengan umur antara 18-25 tahun. Tidak hanya itu, belia dalam kategori umur tersebut harus mempunyai akaun media sosial Facebook dan telah menggunakan Facebook dalam masa penggunaan 3 tahun.

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah soal selidik. Menurut Sekaran (2000) soalan kaji selidik merupakan mekanisme yang lebih efektif kerana sasaran responden boleh dilakukan untuk mendapatkan maklumat yang lebih baik. Kajian ini menggunakan teknik analisis data yang sistematik untuk menganalisis setiap data yang telah dikumpulkan. Kaedah yang dirasa paling tepat untuk menganalisis setiap data yang telah didapati ialah menggunakan perisian SPSS (*Statistical Package for Social Sciences*) versi 22. Kajian ini mengenalpasti mengenai hubungan atau korelasi setiap pemboleh ubah bebas dengan pemboleh ubah bersandar. Justeru itu, kaedah korelasi Pearson digunakan untuk melihat sama ada wujud hubungan yang signifikan antara pembolehubah bebas seperti faktor tahap penggunaan, pendedahan diri, motivasi dan kepuasan dengan pemboleh ubah bersandar iaitu menjalin persahabatan di Facebook.

#### HASIL KAJIAN

Pada bahagian ini akan dibincangkan mengenai hasil kajian yang telah diperolehi. Pada awal huraian yang akan didapati dalam bahagian ini akan menampilkan hasil deskriptif mengenai semua pembolehubah bebas dan bersandar yang terdapat dalam kajian. Selanjutnya, analisis akan menyentuh aspek korelasi dalam setiap pembolehubah yang telah disusun dalam bentuk hipotesis, terakhir sekali setelah mendapatkan hasil keseluruhan korelasi, ujian regresi juga akan dibuat untuk melihat pembolehubah bebas yang paling menyerlah kepada pemboleh bersandar.

ANALISIS DESKRIPTIF

*Pendedahan Diri Belia Di Facebook*

Jadual 1 Pendedahan Diri Belia Di Facebook

Item	Min*	SP
Saya sering melakukan <i>update status</i> sesuai dengan aktiviti yang sedang saya lakukan.	4.60	0.682
Saya merasa penting untuk berkongsi dengan rakan-rakan dalam talian mengenai aktiviti yang saya lakukan.	4.41	0.616
Dengan berteman di Facebook, orang lain akan mengetahui dimana dulu saya bersekolah.	4.54	0.656
Dengan berteman di Facebook, orang lain akan mengetahui aktiviti, minat dan filem kegemaran saya.	4.57	0.619
Saya sering bercerita mengenai diri saya di Facebook.	4.49	0.715
Saya banyak berkongsi maklumat tentang diri dan rakan-rakan dalam talian sentiasa memberikan tindak balas yang baik.	4.48	0.657
Saya menjadi diri saya yang sebenarnya pada masa mendeskripsikan peribadi saya.	4.73	0.603
Saya selalu jujur dan memberikan maklumat sebenar pada masa menuliskan suatu hal tentang diri saya di Facebook.	4.79	0.512
Apabila saya meluahkan perasaan peribadi saya, saya sentiasa sedar apa yang saya katakan.	4.77	0.528
Apabila saya menyatakan perasaan saya mengenai diri saya, saya secara sedar berniat untuk berbuat demikian.	4.81	0.464
Saya tidak ragu menyatakan tentang kepercayaan peribadi dan pendapat saya di Facebook.	4.42	0.658
Saya memberikan maklumat seperti nama, umur dan pendidikan dalam akaun Facebook agar mudah dalam mengenali saya.	4.55	0.597
Pada masa saya menulis status saya sering meluahkan perasaan saya yang terdalam.	4.39	0.642
Saya sering bercerita tentang kebimbangan saya dalam status akaun Facebook.	4.46	0.672
Saya pernah mengungkapkan keburukan tentang diri saya di Facebook.	4.37	0.733
Dengan menjadi diri saya yang sesungguhnya, ertinya saya percaya dengan rakan-rakan dalam talian akan menerima diri saya yang sebenarnya.	4.63	0.643
Saya yakin jika saya membuka diri saya untuk dikenal oleh orang lain saya akan mendapatkan banyak teman.	4.60	0.608
Saya yakin jika saya tertutup orang lain akan sukar mengajak saya berteman.	4.66	0.620
Saya yakin jika saya selalu memperbaharui profil akaun saya, rakan-rakan dalam talian juga akan lebih tertarik untuk berteman.	4.63	0.597

\*Skala 1 – 5 (Sangat Rendah – Sangat Tinggi)



Pada kajian ini juga mengkaji tentang pendedahan diri belia di Facebook. Sejumlah 19 soalan telah dibuat untuk mengenalpasti kewujudan pendedahan diri dalam penggunaan media sosial Facebook. Rujuk pada Jadual 1 untuk mengetahui hasil yang lebih terperinci.

Berdasarkan hasil kajian yang didapati, responden yang suka menyatakan perasaan di Facebook mengenai diri secara sedar mempunyai nilai yang tinggi dengan nilai sebesar 4.81 dengan sisihan piawai sebesar 0.464. Hal ini menunjukkan perasaan tentang diri sendiri yang diungkapkan pengguna (belia) di Facebook adalah secara sedar. Seterusnya, responden yang menyatakan selalu jujur dan memberikan maklumat sebenar pada masa menuliskan suatu hal tentang dirinya di Facebook mempunyai nilai min sebesar 4.79 dengan sisihan piawai sebesar 0.512. Responden juga menyatakan jika mereka meluahkan perasaan peribadinya selalu dalam keadaan sedar dan tahun apa yang mereka katakan. Hal ini memiliki nilai min sebesar 4.77 dengan nilai sisihan piawai 0.528.

Dalam menyampaikan maklumat dalam Facebook, responden juga selalu menjadi dirinya yang sebenarnya pada masa menggambarkan diri peribadi mereka masing-masing. Hal ini ditunjukkan dengan nilai min yang didapati sebesar 4.73 dengan nilai sisihan piawai sebesar 0.603. Selain itu, nilai min yang menyatakan jika responden tertutup dari orang lain akan sukar mengajak mereka berteman adalah sebesar 4.66 dengan sisihan piawai 0.620. Pada item ini menjelaskan bahawa responden sangat yakin jika mereka tertutup dari orang lain maka mereka tidak akan mendapatkan atau dapat berteman dengan orang lain. Dalam bermain Facebook, terdapat pengguna yang aktif dan juga pasif. Pengguna yang aktif dalam dilihat pada item yang menjelaskan jika responden selalu memperbaharui profil akaun mereka, rakan-rakan dalam talian juga akan lebih tertarik untuk berteman. Item ini mendapati nilai min sebesar 4.63 dengan sisihan piawai 0.597.

Bagi responden yang menjadi diri sendiri yang sesungguhnya dengan erti kata responden percaya dengan rakan-rakan dalam talian akan menerima dirinya yang sebenarnya memiliki nilai min sebesar 4.63 dengan sisihan piawainya 0.643. Seterusnya, responden yang sering melakukan *update status* sesuai dengan aktiviti yang sedang mereka lakukan mempunyai nilai min sebesar 4.60 dengan sisihan piawai 0.682. Nilai ini juga sama dengan nilai yang didapati oleh responden yang membuka diri untuk dikenal oleh orang lain akan mendapatkan banyak teman iaitu 4.60 tetapi dengan sisihan piawai sebesar 0.608. Responden juga beranggapan bahawa dengan berteman di Facebook, orang lain akan mengetahui aktiviti, minat dan filem kegemaran responden, ini dapat dilihat daripada nilai min yang diperoleh iaitu 4.57 dengan sisihan piawai 0.619. Dari segi maklumat yang ditulis responden dalam Facebook, kebanyakan responden bersetuju jika mereka memang memberikan maklumat seperti nama, umur dan pendidikan dalam akaun Facebook agar mudah dalam mengenali saya, ini ditunjukkan dengan nilai min yang diperoleh iaitu 4.55 dengan sisihan piawai 0.597.

Selanjutnya, dengan nilai min 4.54 dengan sisihan piawai 0.656, responden juga menyatakan bahawa jika berteman di Facebook, orang lain akan mengetahui di mana dahulu responden bersekolah. Responden juga mendedahkan diri mereka di Facebook dengan cara sering bercerita mengenai diri mereka di Facebook, ini ditunjukkan dengan nilai min 4.49 dengan sisihan piawai 0.715. Dengan adanya perkhidmatan *chatting* di Facebook, responden banyak berkongsi maklumat tentang diri dan rakan-rakan dalam talian dan sentiasa memberikan tindak balas yang baik, ini ditunjukkan oleh nilai min yang didapati adalah sebesar 4.48 dan

sisihan piawainya 0.657. Selain tempat untuk berkomunikasi dan mencari kawan, responden juga berpendapat bahawa Facebook juga boleh sebagai tempat bercerita tentang kebimbangan responden, hal ini ditunjukkan oleh nilai min yang juga cukup tinggi sebesar 4.46 dengan sisihan piawai 0.672.

Selanjutnya adalah mengenai responden tidak ragu menyatakan tentang kepercayaan peribadi dan pendapat mereka di Facebook. Hal ini menyatakan mereka selalu terbuka ketika berinteraksi di dalam Facebook dan pernyataan ini juga di sokong oleh nilai min yang cukup tinggi iaitu sebesar 4.42 dengan sisihan piawai 0.658. Seterusnya, responden juga melihat bahawa mereka merasa penting untuk berkongsi dengan rakan-rakan dalam talian mengenai aktiviti yang saya lakukan, nilai min untuk item ini ialah 4.41 dan sisihan piawainya ialah 0.616. Pada Jadual 4.10 juga menunjukkan bahawa responden terlalu terbuka dalam pendedahan diri di Facebook, hal ini disokong oleh nilai min sebesar 4.39 dengan sisihan piawai 0.642 yang menyatakan bahawa pada masa responden menulis status, responden sering meluahkan perasaannya yang paling dalam. Akhir sekali, pendedahan diri dari segi mengungkapkan keburukan tentang diri sendiri di Facebook mempunyai nilai min sebesar 4.37 dengan sisihan piawainya 0.733.

Secara keseluruhannya untuk pendedahan diri responden di Facebook adalah sangat terbuka, responden selalu mengungkapkan apa yang mereka rasakan baik itu positif mahupun negatif. Mereka tidak memikirkan kesan-kesan yang mereka dapatkan ketika mengemas kini *status* Facebook mereka, sering meluahkan perasaan yang paling dalam, selalu bercerita kebimbangan dan lain-lain. Tidak semua maklumat dapat kita kongsi kan di Facebook. Manakala responden juga beranggapan bahawa dengan memberikan semua maklumat yang ada, mereka mudah dan senang untuk mencari dan mendapatkan teman baharu.

#### KECENDERUNGAN MENJALIN PERSAHABATAN DI FACEBOOK

Secara keseluruhannya, kecenderungan responden menjalin persahabatan di Facebook menunjukkan bahawa hasil yang tinggi yang bermakna responden cenderung ingin memiliki jalinan persahabatan menerusi Facebook dan juga mampu menjalin persahabatan di Facebook, ini dapat dilihat daripada purata min iaitu di antara 3.20 hingga 4.68. Pada Jadual 2, dapat dilihat bahawa kecenderungan menjalin persahabatan menerusi Facebook dilakukan responden ialah kerana responden dapat mengekalkan hubungan dengan kawan-kawan mereka yang sedia ada dari dulu. Hal ini ditunjukkan dengan nilai min yang cukup tinggi iaitu 4.68 dengan nilai sisihan piawai 0.531. Tidak hanya itu, kecenderungan menjalin persahabatan di Facebook juga dilakukan kerana boleh menyambung semula hubungan dengan teman-teman lama yang pernah terputus mempunyai nilai min sebesar 4.66 dan sisihan piawai 0.673.

Bagi responden yang lebih menyukai persahabatan dalam talian kerana lebih mudah dijaga dan dikekalkan secara berterusan mempunyai nilai min sebesar 4.65 dengan nilai sisihan piawainya sebesar 0.673. Responden yang cenderung menyukai persahabatan dalam talian kerana rakan Facebook selalu memberi maklumat-maklumat semasa dan penting yang diperlukan mempunyai nilai min sebesar 4.59 dengan sisihan piawainya 0.683. Seterusnya, kecenderungan responden percaya bahawa Facebook telah menambah baik kehidupan sosial mereka juga berada pada tahap yang tinggi iaitu 4.58 dengan nilai sisihan piawainya 0.594. Kecenderungan lain seperti menyukai persahabatan dalam talian kerana rakan Facebook selalu

memberi perhatian dan kasih sayang persahabatan mempunyai nilai yang tinggi iaitu 4.58 dengan sisihan piawai 0.680. Hal ini bermaksud responden cenderung suka dengan persahabatan dalam talian disebabkan mereka dapat perhatian lebih seperti mengucapkan hari jadi, mengucapkan selamat pagi dan sebagainya.

Jadual 2 Kecenderungan Menjalin Persahabatan Di Facebook

Item	Min*	SP
Saya lebih menyukai persahabatan dalam talian kerana lebih mudah dijaga dan dikekalkan secara berterusan.	4.65	0.673
Saya lebih menyukai persahabatan dalam talian jika dibandingkan persahabatan pada dunia sebenar.	3.20	0.680
Saya cenderung menyukai persahabatan dalam talian kerana rakan Facebook selalu memberi sokongan dengan cara menulis perkataan semangat pada komen status pada masa saya mengungkapkan kesedihan.	4.43	0.741
Saya cenderung menyukai persahabatan dalam talian kerana rakan Facebook selalu memberi maklumat-maklumat semasa dan penting yang saya perlukan.	4.59	0.683
Saya cenderung menyukai persahabatan dalam talian kerana saya boleh terhindar dari rasa kesepian.	4.56	0.681
Saya cenderung menyukai persahabatan dalam talian kerana bagi saya melihat profil akaun Facebook lebih menarik daripada mengenal seseorang secara langsung.	4.42	0.700
Saya cenderung menyukai persahabatan dalam talian kerana rakan Facebook selalu memberi perhatian dan kasih sayang persahabatan (contoh: mengucapkan selamat hari jadi).	4.58	0.680
Saya cenderung menyukai persahabatan dalam talian kerana komunikasi dalam talian lebih selesa sehinggakan saya boleh mengenal dengan jelas siapa rakan saya.	4.55	0.671
Saya cenderung menggunakan Facebook kerana dapat mencari teman baru dan kenalan baru.	4.57	0.653
Facebook telah membantu saya untuk menyambung semula hubungan dengan teman-teman lama yang pernah terputus.	4.66	0.565
Saya menggunakan Facebook untuk mengekalkan hubungan dengan kawan-kawan saya yang sedia ada dari dulu.	4.68	0.531
Saya percaya bahawa Facebook telah menambah baik kehidupan sosial saya.	4.58	0.594

\*Skala 1 – 5 (Sangat Rendah – Sangat Tinggi)

Pada bahagian ini sememangnya direka bentuk untuk melihat alasan apa saja yang membuat belia cenderung ingin memiliki dan menjalin persahabatan menerusi Facebook. Apabila dilihat dari pandangan responden tentang mendapatkan teman baru dan kenalan baru dari Facebook memiliki nilai min sebesar 4.57 dan sisihan piawainya 0.653. Alasan lain seperti

dapat mengurangkan rasa kesepian dengan menggunakan Facebook mempunyai nilai min sebesar 4.56 dengan sisihan piawainya sebesar 0.681.

Kemudian, kecenderungan menyukai persahabatan dalam talian disebabkan oleh komunikasi dalam talian dirasakan lebih selesa sehinggakan boleh mengenal dengan jelas siapa rakan lain juga tinggi dan berada pada 4.55 dengan sisihan piawainya 0.671. Bagi responden yang cenderung menyukai persahabatan dalam talian kerana rakan Facebook selalu memberi sokongan dengan cara menulis perkataan semangat pada komen status pada masa mengungkapkan kesedihan mempunyai nilai sebesar 4.43 dengan sisihan piawainya 0.741. Selanjutnya, kecenderungan menyukai persahabatan dalam talian kerana melihat profil akaun Facebook lebih menarik daripada mengenal seseorang secara langsung mendapati nilai min sebesar 4.42 dengan sisihan piawainya 0.700. Akhir sekali, responden yang cenderung lebih menyukai persahabatan dalam talian jika dibandingkan persahabatan pada dunia sebenar mempunyai nilai min berbanding dengan item lainnya iaitu 3.20 dengan sisihan piawainya 0.680.

Hasil yang diperoleh secara keseluruhan daripada kecenderungan menjalin persahabatan di Facebook dapat dirumuskan bahawa ramai responden yang cenderung untuk menjalin persahabatan dalam talian kerana banyak manfaat yang dapat mereka dapatkan seperti maklumat-maklumat yang tidak mereka dapatkan di dunia sebenar, dapat mengekal hubungan persahabatan, dapat menghubungi rakan yang tinggal di luar negara, dapat menghilangkan rasa kesepian dan sebagainya. Walaupun demikian, terdapat juga responden yang berpendapat bahawa mereka tidak lebih menyukai persahabatan dalam talian dibandingkan persahabatan pada dunia sebenar.

## ANALISIS INFERENSI

### *Pengujian korelasi*

Jadual 3 Pengujian Korelasi

Pearson Correlation	Menjalin Persahabatan	
	R	<i>p</i>
Tahap Penggunaan	.843**	.000
Pendedahan Diri	.826**	.000
Motivasi	.676**	.000
Kepuasan Penggunaan	.707**	.000

\*\* $p < 0.01$

Bahagian ini bertujuan untuk mengkaji korelasi atau tahap hubungan di antara menjalin persahabatan dalam talian dengan pemboleh ubah bebas iaitu tahap penggunaan, pendedahan diri di media sosial, motivasi penggunaan dan kepuasan belia di media sosial Facebook.

### **Hipotesis 1**

Terdapat hubungan yang signifikan antara tahap penggunaan media sosial Facebook dengan kecenderungan ingin menjalin persahabatan menerusi media sosial

Facebook.

Hasil ujian hipotesis berdasarkan Jadual 3 menunjukkan bahawa antara tahap penggunaan media sosial Facebook dengan kecenderungan ingin menjalin persahabatan menerusi media sosial Facebook memiliki korelasi positif yang kuat dengan nilai  $r = 0.843$ . Hal ini mengikut Jadual *Guilford's Rule of Thumb*. Korelasi ini adalah signifikan di aras  $p < 0.05$ , maka  $H_0$  ditolak dan  $H_a$  diterima. Dalam hasil kajian ini menjelaskan bahawa, jika semakin tinggi penggunaan belia dalam menggunakan Facebook maka belia tersebut akan semakin cenderung ingin untuk menjalin persahabatan menerusi Media Sosial Facebook. Dengan erti kata lain, semakin rendah belia menggunakan Media Sosial Facebook maka akan semakin rendah atau kurang juga belia dalam menjalin persahabatan menerusi Media Sosial Facebook.

## Hipotesis 2

Terdapat hubungan yang signifikan antara pendedahan diri dengan menjalin persahabatan menerusi media sosial Facebook.

Berdasarkan hasil kajian yang ditunjukkan pada Jadual 3, hubungan antara pendedahan diri dengan menjalin persahabatan menerusi Media Sosial Facebook adalah memiliki korelasi atau hubungan positif yang kuat. Hal ini ditunjukkan oleh nilai koefisien korelasi Pearson,  $r = 0.826$  dan ini mengikut pada Jadual *Guilford's Rule of Thumb*. Korelasi ini adalah signifikan di aras  $p < 0.05$ , maka  $H_0$  ditolak dan  $H_a$  diterima. Berdasarkan hasil tersebut dapat disimpulkan bahawa pendedahan diri yang dilakukan belia dalam menggunakan Facebook mempunyai hubungan kuat dan memberikan kesan kepada kecenderungan belia menjalin persahabatan menerusi media sosial Facebook. Ringkasnya boleh disimpulkan, semakin tinggi belia mendedahkan diri dalam Facebook maka semakin tinggi kemungkinan bagi belia menjalin persahabatan menerusi media sosial Facebook.

## Hipotesis 3

Terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi penggunaan media dengan menjalin persahabatan menerusi media sosial Facebook.

Berdasarkan Jadual 3 dapat dilihat bahawa terdapat hubungan yang positif tetapi sederhana antara motivasi penggunaan dengan kecenderungan ingin menjalin persahabatan menerusi media sosial Facebook. Hal ini dibuktikan oleh hasil dari nilai  $r = 0.676$ . Selain itu, korelasi ini adalah signifikan di aras  $p < 0.05$ , maka  $H_0$  ditolak dan  $H_a$  diterima. Dapat disimpulkan bahawa motivasi penggunaan Facebook memberi kesan yang sederhana terhadap menjalin persahabatan menerusi media sosial Facebook.

### **Sub-Hipotesis 3a**

Terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi maklumat dengan keinginan menjalin persahabatan menerusi media sosial Facebook.

Ujian berikutnya adalah melihat hubungan antara beberapa motivasi dengan keinginan menjalin persahabatan menerusi media sosial Facebook. Berdasarkan Jadual 3, menunjukkan bahawa hubungan antara motivasi maklumat dengan menjalin persahabatan menerusi media sosial Facebook adalah signifikan pada aras  $p < 0.05$ , maka  $H_0$  ditolak dan  $H_a$  diterima. Korelasi atau hubungan ini menunjukkan hubungan yang positif dan sederhana di mana nilai  $r$  adalah 0.626.

### **Sub-Hipotesis 3b**

Terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi personal identiti dengan keinginan menjalin persahabatan menerusi media sosial Facebook.

Seterusnya akan mengkaji tentang hubungan antara motivasi personal identiti dengan keinginan menjalin persahabatan menerusi media sosial Facebook. Berdasarkan Jadual 4 menunjukkan bahawa terdapat hubungan atau korelasi yang lemah antara motivasi identiti dengan keinginan menjalin persahabatan. Hal ini dibuktikan dengan nilai  $r$  sebesar 0.269. Berdasarkan Jadual *Guilford's Rule of Thumb*, bagi nilai korelasi ( $r$ ) yang berada antara 0.20 – 0.40 mempunyai hubungan yang lemah. Tetapi hubungan ini memiliki hubungan yang signifikan yang berada pada aras  $p < 0.05$  dan bermakna  $H_0$  ditolak dan  $H_a$  diterima.

### **Sub-Hipotesis 3c**

Terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi interaksi sosial dengan keinginan menjalin persahabatan menerusi media sosial Facebook.

Berdasarkan Jadual 4 dalam dilihat bahawa terdapat nilai hubungan yang signifikan antara motivasi interaksi dengan menjalin persahabatan menerusi media sosial Facebook berada pada aras  $p < 0.05$ , maka  $H_0$  ditolak dan  $H_a$  diterima. Nilai koefisien korelasi Pearson pada ujian ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang sederhana antara motivasi interaksi dengan menjalin persahabatan, hal ini disokong oleh nilai  $r$  yang didapati pada kajian ini iaitu 0.634.

### **Sub-Hipotesis 3d**

Terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi hiburan dengan keinginan menjalin persahabatan menerusi media sosial Facebook

Untuk hubungan antara motivasi hiburan dengan keinginan menjalin persahabatan menerusi media sosial Facebook menunjukkan korelasi positif yang sederhana di mana nilai  $r = 0.588$ . Nilai signifikan pada korelasi ini berada pada aras  $p < 0.05$ , maka  $H_0$  ditolak dan  $H_a$  diterima.

Jadual 4 Beberapa Motivasi Penggunaan Media Dengan Menjalinkan Persahabatan Menerusi Media Sosial Facebook

PEARSON CORRELATION	Motivasi Maklumat	Motivasi Identiti	Motivasi Interaksi	Motivasi Hiburan
Menjalinkan Persahabatan	.626**	.269**	.634**	.588**
Sig. (2-tailed)	.000	.000	.000	.000

\*\* $p < 0.01$

Berdasarkan keseluruhan hasil hipotesis untuk motivasi pengguna dapat disimpulkan bahawa keseluruhan motivasi penggunaan menghasilkan korelasi yang positif terhadap keinginan untuk menjalin persahabatan menerusi media sosial Facebook. Hal ini bermakna semua motivasi memberikan kesan kepada keinginan untuk menjalin persahabatan. Berdasarkan hasil di atas dapat diketahui bahawa motivasi maklumat ialah motivasi terkuat yang dipilih oleh belia pada masa menggunakan Facebook untuk menjalin persahabatan.

Dalam melihat motivasi penggunaan Facebook dalam menjalin persahabatan akan lebih lengkap jika ikut mengenalpasti bagaimana hubungan yang wujud diantara motivasi penggunaan media tersebut dengan kepuasan. Maka, kajian juga akan membuktikan dengan merujuk jadual dibawah ini bahawa hasil dari hubungan motivasi dengan kecenderungan ingin menjalin persahabatan di Facebook selari dan bersesuaian dengan hubungan motivasi kepada kepuasan penggunaan Facebook dalam menjalin persahabatan.

Jadual 5 Beberapa Motivasi Penggunaan Media Dengan Kepuasan Penggunaan

PEARSON CORRELATION	Motivasi Maklumat	Motivasi Identiti	Motivasi Interaksi	Motivasi Hiburan
Kepuasan	.803**	.299**	.849**	.810**
Sig. (2-tailed)	.000	.000	.000	.000

\*\* $p < 0.01$

#### Hipotesis 4

Terdapat hubungan yang signifikan antara kepuasan penggunaan media sosial Facebook dalam menjalin persahabatan menerusi media sosial Facebook.

Berdasarkan Jadual 5 menunjukkan bahawa kepuasan penggunaan dalam menjalin persahabatan menerusi media sosial Facebook memiliki korelasi positif yang kuat dengan nilai  $r = 0.707$ . Korelasi ini signifikan pada aras  $p < 0.05$ , maka  $H_0$  ditolak dan  $H_a$  diterima. Oleh sebab itu dapat disimpulkan bahawa kepuasan penggunaan memberi kesan dalam menjalin

persahabatan. Dengan erti kata, semakin puas belia dalam menggunakan Facebook maka semakin tinggi keinginan belia untuk menjalin persahabatan.

### KEPUTUSAN ANALISIS KORELASI

Jadual 6 Keputusan Analisis Korelasi

HIPOTESIS	KEPUTUSAN
Terdapat hubungan yang signifikan antara tahap penggunaan media sosial Facebook dengan kecenderungan ingin menjalin persahabatan menerusi media sosial Facebook.	Di terima
Terdapat hubungan yang signifikan antara pendedahan diri dengan menjalin persahabatan menerusi media sosial Facebook.	Di terima
Terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi penggunaan media dengan memiliki persahabatan menerusi media sosial Facebook.	Di terima
Terdapat hubungan yang signifikan antara kepuasan penggunaan media sosial Facebook dalam menjalin persahabatan menerusi media sosial Facebook.	Di terima

### PERBINCANGAN

Bagi objektif pertama iaitu mengenal pasti tahap penggunaan media sosial Facebook dalam kalangan belia, didapati bahawa belia sangat aktif dalam tahap penggunaan Facebook. Hal ini selari dengan kajian teori kegunaan dan kepuasan yang digunapakai dalam kajian ini, iaitu menyatakan bahawa asumsi teori ini ialah mengenai khalayak yang aktif dan menggunakan media yang berorientasikan pada tujuan yang cukup jelas (Turner & West, 2010). Sesuai dengan kenyataan dari pada teori, hal yang sama juga didapati dari pada kajian yang telah dilakukan, iaitu khalayak yang aktif dan mempunyai tujuan penggunaan media yang cukup jelas. Pada kajian ini, tujuan dari penggunaan media yang cukup jelas yang dikaji ialah tujuan menjalin persahabatan menerusi media sosial Facebook. Hal ini dapat dilihat melalui hasil dapatan yang menyatakan bahawa purata belia menggunakan Facebook dalam satu hari adalah 7 hingga 14 jam, dapatan kajian ini disokong oleh kajian yang dilakukan dalam Collins (2014) yang juga menambahkan bahawa sememangnya belia lebih banyak menghabiskan masa di rangkaian sosial dalam kesehariannya. Selain itu aktiviti belia yang paling dilakukan saat menggunakan Facebook adalah *update status* semasa dengan nilai min sebesar 4.66. Hal ini selari dengan kajian yang menggunakan teori kegunaan kepuasan pada tahun 2014 oleh Pritta dinyatakan



bahawa khalayak yang aktif sememangnya berkongsi status peribadi di Facebook sebagai medium untuk memenuhi keperluan untuk meluahkan perasaan mereka apabila mereka tidak mempunyai sesiapa untuk bercakap atau berkata sesuatu secara tidak langsung kepada seseorang.

Seterusnya untuk objektif kedua ialah mengenal pasti hubungan di antara jalinan persahabatan dalam talian dengan pembolehubah tahap penggunaan, motivasi, kepuasan dan pendedahan diri di media sosial Facebook. Berdasarkan dapatan kajian, menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang kuat dan positif antara tahap penggunaan media sosial Facebook dengan menjalin persahabatan dalam talian. Untuk hubungan antara kepuasan penggunaan dan menjalin persahabatan juga didapati bahawa terdapat hubungan yang positif dan kuat sedangkan untuk motivasi dan menjalin persahabatan menghasilkan hubungan yang positif dan sederhana. Manakala hubungan antara pendedahan diri dan menjalin persahabatan dalam talian menghasilkan hubungan yang positif dan kuat.

Jika dilihat daripada hasil kajian, dapat dibuat kesimpulan bahawa kesemua pembolehubah bebas, iaitu tahap penggunaan, motivasi, kepuasan dan pendedahan diri memiliki hubungan positif kepada pemboleh ubah bersandar, iaitu kecenderungan menjalin persahabatan menerusi media sosial Facebook. Hal ini telah membenarkan dan memperkuat kembali kajian-kajian yang telah lama dijalankan mengenai penggunaan media sosial Facebook, bahawa kesemua item ini memiliki hubungan, seperti dalam kajian Collins (2014) sebelumnya pernah dinyatakan bahawa sememangnya penggunaan Facebook dan jumlah masa seseorang yang menghabiskan waktu dalam talian akan memiliki hubungan positif dengan interaksi komunikasi interpersonal yang dimiliki pengguna, sehingga kebenaran dibuktikan menerusi dapatan kajian ini bahawa tahap penggunaan yang tinggi terhadap penggunaan media sosial Facebook yang dilakukan oleh belia memberi kesempatan untuk melakukan interaksi komunikasi interpersonal dan akhirnya mewujudkan jalinan persahabatan. Dalam kajian ini juga dinyatakan bahawa Facebook boleh menjadi satu cara untuk mewujudkan sokongan sosial terhadap sesama pengguna menerusi kemas kini status yang boleh mendedahkan pelbagai perasaan emosi yang dimiliki pengguna. Hal ini sangat sesuai dengan hasil dapatan kajian yang menunjukkan bahawa aktiviti yang paling dilakukan oleh belia saat menggunakan Facebook adalah *update status* semasa.

Tidak hanya itu, dalam kajian Rianne (2013) juga dinyatakan bahawa dengan menggunakan media sosial setiap orang di dalamnya boleh berkenalan dan mendedahkan maklumat semasa interaksi awal untuk membantu mewujudkan hubungan. Hal ini dibenarkan dengan hasil dapatan kajian yang menyatakan sememangnya pendedahan diri yang dilakukan dalam penggunaan media sosial Facebook oleh belia memiliki hubungan positif terhadap jalinan persahabatan, yang ertinya mereka mendedahkan diri sememangnya untuk menjalin persahabatan sesama pengguna Facebook.

Selanjutnya, dalam teori kegunaan dan kepuasan yang dijelaskan dalam kajian Klemm (2008) menyatakan setiap individu memiliki motivasi (*needs*) atau sebuah keperluan yang ingin dipenuhi. Maka, motivasi selanjutnya akan membimbing tingkah laku komunikatif seseorang yang didorong untuk memenuhi keperluannya. Ringkasnya dalam kajian teori ini dinyatakan bahawa orang menggunakan media kerana ingin memenuhi keperluan tertentu, yang akhirnya menyebabkan hasil atau akibat dan kesan. Kesan ini berwujud dalam bentuk kepuasan (apabila

keperluan dipenuhi). Hal ini dibenarkan dengan hasil dapatan kajian yang menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif di antara motivasi dan menjalin persahabatan, yang memiliki erti bahawa dalam penggunaan media sosial untuk keperluan menjalin persahabatan mereka memiliki alasan atau memiliki latar belakang atas keinginan tersebut, iaitu hal yang memotivasikan mereka, sehingga seperti apa yang ditunjukkan dalam dapatan kajian bahawa hubungan antara kepuasan penggunaan dan menjalin persahabatan juga didapati memiliki hubungan yang positif dan kuat.

Kajian ini telah menguji lima hipotesis dan empat sub-hipotesis. Hipotesis yang pertama adalah melihat hubungan yang signifikan antara tahap penggunaan media sosial Facebook dengan kecenderungan ingin menjalin persahabatan menerusi Facebook. Berdasarkan hasil kajian korelasi Pearson yang telah dijalankan, terdapat hubungan yang positif kuat dan signifikan antara tahap penggunaan Facebook dan menjalin persahabatan dengan nilai  $r = 0.853$  pada aras  $p < 0.05$  ( $p = 0.000$ ). Bagi hipotesis yang kedua iaitu, terdapat hubungan yang signifikan antara pendedahan diri dengan menjalin persahabatan menerusi Facebook. Berdasarkan hasil kajian, nilai  $r$  untuk hubungan ini adalah sebesar  $0.826$  pada aras  $p < 0.05$  ( $p = 0.000$ ). Hasil ini membuktikan bahawa terdapat hubungan yang positif kuat dan signifikan antara pendedahan diri dengan menjalin persahabatan menerusi media sosial Facebook.

Hipotesis selanjutnya yang telah diuji, iaitu hipotesis ketiga adalah terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi penggunaan media dengan keinginan menjalin persahabatan menerusi Facebook. Hasil korelasi Pearson bagi hubungan ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan dan positif tetapi dengan kadar sederhana, kerana nilai  $r$  yang didapati hanya  $0.676$  pada aras  $p < 0.05$  ( $p = 0.000$ ). Pada hipotesis tiga ini terdapat empat sub-hipotesis iaitu yang pertama adalah terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi maklumat dengan keinginan menjalin persahabatan menerusi media sosial Facebook, kedua terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi personal identiti dengan keinginan menjalin persahabatan menerusi Facebook. Seterusnya yang ketiga adalah terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi interaksi sosial dengan keinginan menjalin persahabatan menerusi media sosial Facebook manakala yang keempat Terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi hiburan dengan keinginan menjalin persahabatan menerusi Facebook. Hasil dari kesemua sub-hipotesis tersebut menyatakan bahawa motivasi atau pendorong utama belia dalam menggunakan media sosial Facebook dalam menjalin persahabatan ialah motivasi interaksi, sesuai dengan pernyataan dari Miller (2005) motivasi interaksi memiliki erti mereka memilih Facebook dalam memenuhi keinginan menjalin persahabatan ialah kerana termotivasi untuk mendapat sokongan sosial, mencari pilihan lain dalam berinteraksi selain rakan-rakan dalam kehidupan sebenar, untuk terus berhubung dengan teman yang berada di kawasan geografi yang berbeza atau di luar negara dan juga untuk menghubungi orang yang sukar mereka hubungi.

Bagi hipotesis yang keempat iaitu terdapat hubungan yang signifikan antara kepuasan penggunaan media sosial Facebook dalam menjalin persahabatan menerusi Facebook. Hasil dari hubungan ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif kuat dan signifikan antara kepuasan penggunaan dengan menjalin persahabatan menerusi Facebook. Hal ini disokong oleh nilai  $r$  yang didapati sebesar  $0.707$  pada aras  $p < 0.05$  ( $p = 0.000$ ).

## PENUTUP

Keseluruhan hasil dapatan kajian telah dinyatakan dan perbincangan atas hasil dapatan kajian yang sudah dijalankan juga telah dihuraikan. Pada pendapat pengkaji kajian ini telah menepati matlamat dan objektif daripada kajian yang ingin mengenalpasti tahap penggunaan media sosial pada belia, hubungan tahap penggunaan, pendedahan diri, motivasi dan kepuasan penggunaan media sosial Facebook dalam menjalin persahabatan dan juga mengenalpasti pengaruh tahap penggunaan, pendedahan diri, motivasi dan kepuasan penggunaan media sosial Facebook dalam menjalin persahabatan.

Dapatan kajian ini menyokong semua hipotesis yang dicadangkan. Semua hipotesis untuk mengenalpasti hubungan tahap penggunaan, pendedahan diri, motivasi dan kepuasan penggunaan media sosial Facebook dalam menjalin persahabatan telah diterima. Namun, pada hipotesis untuk mengenalpasti pengaruh tahap penggunaan, pendedahan diri, motivasi dan kepuasan penggunaan media sosial Facebook dalam menjalin persahabatan yang dilakukan dengan melakukan ujian regresi mendapatkan adanya satu pembolehubah yang menghasilkan nilai negatif, iaitu motivasi penggunaan. Meskipun demikian, pembolehubah motivasi apabila dilakukan ujian korelasi menunjukkan adanya hubungan dengan menjalin persahabatan, namun motivasi tidak berjaya mempengaruhi belia dengan kuat, terbukti pada ujian regresi yang menyatakan nilai negatif. Perlu diberi tumpuan bahawa meskipun terdapat nilai negatif dalam pembolehubah motivasi, namun hal ini tidak membuat kajian menjadi kajian gagal, justeru dengan nilai negatif ini kajian menunjukkan bahawa terdapat pembolehubah yang lain yang menyerlah dan paling kuat mempengaruhi belia dalam menjalin persahabatan menerusi Facebook, iaitu tahap penggunaan dan pendedahan diri.

Dengan kajian ini juga dapat dilihat bahawa sememangnya penggunaan Facebook di Indonesia diakses dengan sangat tinggi sesuai dan menyokong data daripada Kementerian Maklumat Indonesia. Menerusi kajian ini juga akhirnya menyumbang pengetahuan bahawa pendedahan diri yang dilakukan oleh belia pada masa penggunaan Facebook adalah sangat terbuka, responden selalu mengungkapkan apa yang mereka rasakan baik itu positif mahupun negatif. Mereka juga sering meluahkan perasaan yang paling dalam, selalu bercerita kebimbangan dan lain-lain. Manakala responden juga beranggapan bahawa dengan memberikan semua maklumat yang ada, mereka mudah dan senang untuk mencari dan mendapatkan teman dan menjalin persahabatan.

Selanjutnya menerusi kajian ini juga dapat mengetahui bahawa secara keseluruhan belia memiliki kecenderungan menjalin persahabatan di Facebook kerana banyak manfaat yang dapat mereka dapatkan seperti maklumat-maklumat yang tidak mereka dapatkan di dunia sebenar, dapat mengekal hubungan persahabatan, dapat menghubungi rakan yang tinggal di luar negara, dapat menghilangkan rasa kesepian dan sebagainya. Akhir sekali, dengan kajian ini juga didapati bahawa motivasi yang paling dipilih remaja dalam menjalin persahabatan menerusi Facebook, iaitu motivasi interaksi. Manakala kepuasan yang paling dihasilkan dalam penggunaan media sosial Facebook dalam menjalin persahabatan juga dalam hal yang sama, iaitu kepuasan daripada segi interaksi.

Dengan demikian, dapat disimpulkan bahawa semua tujuan dan permasalahan kajian terjawab dengan baik dengan kajian ini. Sehingga hasil dapatan kajian dapat dinyatakan sejajar dengan kesignifikan dan matlamat sebenar kajian. Selanjutnya, diharapkan kajian-kajian pada

masa hadapan akan terus secara berterusan dijalankan untuk memberi pembaharuan dan data-data semasa mengenai pendedahan diri, motivasi dan juga kepuasan penggunaan media sosial dalam menjalin persahabatan.

Akhir sekali, pengkaji mempunyai harapan bagi kajian untuk bermanfaat sebagai pengetahuan bagi para ibu bapa, pensyarah, guru, dan semua ahli akademik agar memberi perhatian kepada belia. Sebagai orang-orang yang paling rapat dengan belia maka sangat sesuai bagi pihak yang ini untuk ikut memberi perhatian supaya penggunaan media sosial yang belia digunakan oleh belia terkawal dengan baik tanpa merugikan dan memberi kesan buruk terhadap belia. Tidak dapat dinafikan bahawa dalam penggunaan media sosial menyebabkan banyak maklumat yang boleh didapati oleh mereka. Media sosial memiliki skop maklumat yang luas, tidak terhad dan tidak tertapis, maka perhatian dari pada persekitaran amat digalakkan agar penggunaan media sosial ini tetap pada tahap penggunaan yang baik.

#### BIODATA

*Ali Salman* adalah Profesor Madya di Pusat Penyelidikan Impak Media dan Industri Kreatif, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM. Bidang kepakaran beliau ialah media sosial dan media baru.

*Siti Minanda Pulungan* adalah pelajar sarjana di Pusat Penyelidikan Impak Media dan Industri Kreatif, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM.

#### RUJUKAN

- Arviana Rantai, Muhammad Daniel Hamdan & Siti Sawera Abdul Hamid. 2014. Influence of Social Media in Enhancing Positive Relationship among Youth. *Journal ISBN* : 978-967-0582-32.
- Battaglia. 2008. Non probability sampling. *Encyclopedia of Survey Research Method*. SAGE Publication.
- Chasombat, P. 2014. Social Networking Sites Impacts On Interpersonal Communication Skills And Relationships. Available <http://libdcms.nida.ac.th/thesis6/2014/b185644.pdf>
- Chris. 2016. Social Media Networking and Its Influence on Interpersonal Face To Face Oral Communication at Family Level: A Qualitative Study of Selected Families in Eldoret Town; Kenya. *International Journal of Social Science and Humanities Research*, Vol. 4, Issue 2, pp: (212-220).
- Collins, Franklin, M. 2014. The Relationship Between Social Media and Empathy. Thesis. Georgia Southern University.
- Handriatmaja. 2013. Peristiwa Bencana Hurricane Sandy di Instagram. *eJournal Ilmu Komunikasi Universitas Atma Jaya*.
- Hazita Azman, Ali Salman, Norizan Abdul Razak, Supyan Hussin, Mohd Safar Hasim, Musa Abu Hassan. 2014. Determining digital maturity among ICT users in Malaysia. *Jurnal Komunikasi Malaysian (Journal of Communication)* 30 (1) : 23-35
- Kementerian Komunikasi dan Informatika (Kemenkominfo). 2016. <https://kominfo.go.id/>.
- Kleman. 2008. Journaling For The World (Wide Web) To See: A Conceptual Model Of Disclosure In Blogs. Tesis Doktor Falsafah. College of Communication and Information of Kent State University.
- Miller, K. 2005. *Communication Theories : Perspectives, Processes, and Context*. Texas: McGraw Hill.
- Morgan, R. V. 1970. Determining Sample Size For Research Activities. *Journal Educational And Psychological Measurement*, 607-610.
- Mukhtar Effendi. 2010. Peranan Internet Sebagai Media Komunikasi. *KOMUNIKA*, Vol.4 No.1, pp.130-142
- Namkee Park, Boraee Jin & Seung-A Annie Jin. 2011. Effects of self-disclosure on relational intimacy in Facebook. *Computers in Human Behavior Journal*, 27 (2011) 1974–1983.
- Natalya N. Bazarova & Yoon Hyung Choi. 2014. Self-Disclosure in Social Media: Extending the Functional Approach to Disclosure Motivations and Characteristics on Social Network Sites. *Journal of Communication* ISSN 0021-9916 Department of Communication, Cornell University, Ithaca USA.
- Natascha Zeitel-Bank & Ute Tat. 2014. Social Media And Its Effects On Individuals And Social Systems. *Journal Management, Knowledge, And Learning*.
- Nurzali Ismail. 2016. Young people's use of new media: learning through participation in communities of practice. *Jurnal Komunikasi (Malaysian Journal of Communication)*, 32 (2) : 42-64
- Oik Yusuf. 2016. Jumlah Pengguna Facebook di Indonesia Terus Bertambah. *Kompas*

- Tekno*. 20 Oktober 2016. Available  
<http://tekno.kompas.com/read/2016/10/20/17062397/jumlah.pengguna.facebook.di.in.donesia.terus.bertambah>
- Rianne, C. F. 2013. Facebook and Relationships: A Study of How Social Media Use is Affecting Long-Term Relationships. Tesis Ijazah. Science degree in Communication & Media Technologies.
- Saadah Wok, Junaidah Hashim & Kalthom Abdullah. 2016. Social media influence on Malay family resilience towards challenges of the Internet. *Jurnal Komunikasi (Malaysian Journal of Communication)*, 32 (2): 648-669
- Sekaran, U. 2000. Research methods for business: A skill-building approach (3rd ed.). New York: J. Wiley.
- Turner, L, H & West, R. 2010. Pengantar Teori Komunikasi : Analisis dan Aplikasi. Jakarta: Salemba Humanika.
- Waigumo, M. A. 2013. Impact Of Social Networking Sites On Interpersonal Relationships Among Teenagers. A Case Study Of Murang'a East District. Tesis Ijazah. School Of Journalism And Mass Communication University Of Nairobi.
- Williams. 2007. Research Methods. *Journal of Business & Economic Research*, Volume 5, Number 3.